



■ SYABAS...King Hung (kiri) dan Hua Ling membuka langkah.

Hua Ling, King Hung & Harian (M) seperti bermimpi



Oleh MISIAH TAIB 26 JUL 1990

DUA pesilat Sarawak yang memenangi pingat emas silat olahraga Sukma Ke-3 — Wong Hua Ling dan Hui King Hung — dipercayai sebagai pesilat keturunan Cina pertama memenangi kejohanan silat peringkat kebangsaan setakat ini.

Hua Ling, 19, yang berasal dari Sibu, mengalahkan pesilat Selangor, Intan Syafinaz pada pertarungan Kelas E (60-65 kg), manakala King Hung, 19 juga dari Sibu, mengalahkan pesilat Wilayah Persekutuan, Norazah Nordin, bagi Kelas C (50-55 kg).

King Hung yang ditemui di Kuching semalam, berkata dia belajar silat olahraga sejak enam bulan lalu, selepas tiga tahun mempelajari seni mempertahankan diri taekwondo.

"Pada satu hari, pengurus pasukan silat Sarawak, Khairuddin Haji Hussein, muncul di gimnasium tempat kami belajar taekwondo dan bertanya jika ada peserta wanita yang berminat menyertai Sukma ke-3 kerana Sarawak kekurangan pesilat wanita.

"Ketua jurulatih taekwondo kami menggalakkan saya merebut peluang itu kerana saya tidak boleh lagi bertanding bagi acara taekwondo kerana pernah mewakili negara sebelum ini," katanya.

Anak sulung daripada lima beradik yang memegang tali pinggang pertama dan hitam taekwondo itu, berkata dia memang menjangka akan memenangi pingat emas pada Sukma tahun ini.

King Hung pernah menyandang naib juara Kejohanan Taekwondo Asia baru-baru ini dan juara di peringkat kebangsaan dan negeri Kelas Bantamweight. Dia baru menamatkan tingkatan lima dan masih mencari pekerjaan.

Pembabituan juara Kelas E, Hua Ling, 19, dalam seni silat juga sama dengan rakanannya King Hung. Dia mempelajari taekwondo sejak dua tahun lalu sebelum menceburkan diri dalam seni mempertahankan diri warisan Melayu itu enam bulan lalu.

Pelajar tingkatan enam atas Sekolah Menengah Sacred Heart Sibu itu juga menceburkan diri dalam seni silat kerana minat.

"Saya tidak sangka boleh menang. Sewaktu menyaksikan persembahan saya dalam kejohanan itu menerusi televisyen malam kelmarin, saya dapati banyak kekurangan yang masih perlu diperbaiki.

"Sebagai wanita Cina, saya bangga dan terharu dan seperti dalam mimpi. Saya ingin mempelajarinya dengan lebih mendalam dan jika diberi peluang saya sanggup mewakili negara," katanya.